

Potensi Inai (*Lawsonia inermis* L.) dalam aplikasi Farmaseutikal dan Kosmetik Halal: Analisis Tematik berdasarkan Kitab *al-Tibb al-Nabawi* oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah

(Potential of Henna (*Lawsonia inermis* L.) in Halal Pharmaceutical and Cosmetic Applications: Thematic Analysis Based on *al-Tibb al-Nabawi* by Ibn Qayyim al-Jawziyyah)

Muhammad Remy bin Othman^{1*}

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia
remyothman@uitm.edu.my

ARTICLE INFO

Article history:

Received 15 July 2025

Revised 27 August 2025

Accepted 8 September 2025

Online Published 22 September 2025

Keywords:

al-Tibb al-Nabawi

Halal cosmetic

Halal pharmaceutical

Henna

Lawsonia inermis

Katakunci:

al-Tibb al-Nabawi

Farmaseutikal halal

Inai

Kosmetik halal

Lawsonia inermis

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jhsmr.v1i1.8985>

ABSTRACT

Lawsonia inermis L. commonly known “inai” (henna) has long been recognized in Malay ethnobotanical practices as a natural dye, particularly for coloring grey hair, treating minor wounds, postnatal care, circumcision wounds, and various skin inflammations. With the advancement of modern science, numerous studies have explored its phytochemical and pharmacological properties, including antimicrobial, antioxidant, anti-inflammatory, and anticancer activities. These therapeutic potentials have increasingly attracted attention from the pharmaceutical and cosmetic industries, especially in the development of plant-based halal cosmetic products. This study applies a qualitative approach through textual analysis of the classical Islamic medical text *al-Tibb al-Nabawi* written by Ibn Qayyim al-Jawziyyah. The Objective is to compile and examine the discourse surrounding the potential use of henna in pharmaceutical and cosmetic applications. The findings from this classical text are then compared with contemporary scientific research on *Lawsonia inermis*, particularly within the context of its pharmacological and cosmetic relevance. Thematic analysis of *al-Tibb al-Nabawi* reveals that henna was traditionally used to treat burn wounds, ulcers, headaches, foot pain, oral thrush, and leprosy. These findings closely align with modern scientific evidence, which demonstrates henna’s wound healing, antimicrobial, and anti-inflammatory properties. This study confirms the significant potential of *Lawsonia inermis* as a foundational ingredient in the development of halal pharmaceutical and cosmetic products. It is hoped that this research will contribute to a holistic understanding of the value and potential of henna within the framework of Islamic medical heritage and contemporary halal industries.

ABSTRAK

^{1*} Corresponding author: remyothman@uitm.edu.my

Inai (*Lawsonia inermis* L.) telah dikenali sejak dahulu dalam amalan etnobotani Melayu sebagai bahan pewarna alami, mewarnai uban, rawatan luka ringan, rawatan berkhatan, keradangan kulit, dan merawat luka selepas bersalin. Seiring perkembangan sains moden, kajian saintifik telah meneliti potensi dalam bidang fitokimia, dan farmakologi, seperti kajian antimikrob, antioksidan, antiradang dan antikanser. Potensi terapeutik inai turut menarik perhatian daripada industri farmaseutikal dan kosmetik, khususnya dalam pembangunan produk kosmetik halal berasaskan tumbuhan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks kitab *al-Tibb al-Nabawi* karangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah untuk menghimpunkan perbincangan mengenai potensi inai dalam dua bidang farmaseutikal dan kosmetik. Hasil dapatan ini dibandingkan dengan penemuan kajian saintifik moden berkaitan *Lawsonia inermis* khususnya dibandingkan dalam aspek farmaseutikal dan kosmetik. Hasil tematik terhadap kandungan kitab *al-Tibb al-Nabawi* karangan Ibn Qayyim mendapati bahawa Inai digunakan sebagai bahan rawatan luka akibat terbakar, merawat kudis, rawatan sakit kepala, sakit kaki, seriawan dan kusta. Penemuan ini mempunyai persamaan yang ketara dengan kajian sains moden yang menunjukkan inai memiliki sifat penyembuh luka, antimikrob dan antiradang. Kajian ini membuktikan bahawa inai memiliki potensi yang signifikan sebagai bahan asas dalam pembangunan produk farmaseutikal dan kosmetik halal. Diharap dapat memberikan gambaran menyeluruh terhadap nilai dan potensi inai sebagai bahan asas dalam pembangunan produk farmaseutikal dan kosmetik halal yang berasaskan warisan perubatan Islam.

POTENSI INAI (*LAWSONIA INERMIS* L.) DALAM APLIKASI FARMASEUTIKAL DAN KOSMETIK HALAL: ANALISIS TEMATIK BERDASARKAN KITAB *AL-TIBB AL-NABAWI* OLEH IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH

PENGENALAN

Alam Melayu khususnya Malaysia tidak lagi asing bahkan penggunaan sebagai bahan rawatan berasaskan kepada tumbuhan kerap digunakan, ia lebih dikenali dengan istilah Etnobotani². Al-Quran dan al-Hadith Rasulullah SAW telah menyebut beberapa tumbuhan yang turut diamalkan dalam kegunaan perubatan Melayu. Antaranya adalah halia, bawang merah (daun), daun inai, daun bidara, buah delima, serai, pisang emas (kulit) yang telah diamalkan secara meluas dalam perubatan oleh orang Melayu (Abdullah et al., 2021).

Secara umumnya, kefahaman masyarakat tentang kegunaan inai lebih banyak digunakan sebagai bahan pewarna alami sahaja dan kurang mengetahui akan potensi inai sebagai bahan rawatan luka secara saintifiknya (Ahmad et al., 2016, Batiha et al., 2024). Bahkan petunjuk daripada Rasulullah SAW sendiri telah menjadikan inai sebagai bahan rawatan luka. Kaedah merawat luka menggunakan inai juga telah dikupas oleh Ibn Qayyim (2015) dalam kitabnya *al-Tibb al-Nabawi*. Dalam era pembangunan pesat industri halal yang berasaskan kepada pembangunan produk farmaseutikal dan kosmetik yang berasaskan tumbuhan dan patuh syariah semakin mendapat tempat dikalangan pengguna Muslim. Inai telah lama diamalkan dalam amalan etnobotani Melayu mempunyai sejarah perubatan yang luas seperti bahan rawatan luka, keradangan serta penjagaan rambut.

² Etnobotani merupakan gabungan antara dua istilah iaitu, Etno merujuk kepada "ethnic" iaitu ras dan botani. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, etnobotani adalah bermaksud kajian tentang pengetahuan dan adat resam sesuatu suku bangsa yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dan kegunaannya. Kamus Dewan Online, (Kamus Dewan Edisi Keempat) laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dengan entri "ulser", diakses 21 Mac 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=etnobotani>

Namun, walaupun potensi terapeutik inai telah dibuktikan melalui pelbagai kajian saintifik dari sudut fikokimia dan farmakologi, pengaplikasiannya dalam pembangunan produk halal masih kurang diterokai secara halalan toyyiban, khususnya berpaksikan kepada pemahaman keilmuan Islam. Tambahan pula, kitab *al-Tibb al-Nabawi* karangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah yang merupakan antara rujukan penting perubatan nabi mengandungi perbincangan tentang penggunaan inai dalam rawatan penyakit tertentu. Namun begitu, Khazanah keilmuan ini belum dimanfaatkan secara sistematik disokong oleh pembangunan kajian saintifik terkini. Ketiadaan kajian yang menggabungkan perspektif turath Islam dengan penemuan saintifik semasa menyebabkan jurang antara keilmuan tradisi dan saintifik moden dalam pembangunan farmaseutikal dan kosmetik halal masih jauh. Justeru, analisis tematik terhadap *teks al-Tibb al-Nabawi* perlu dijalankan terlebih dahulu bagi mengenal pasti potensi dan kegunaan inai, sebelum diselarikan dengan dapatan saintifik untuk memperkukuh justifikasi penggunaannya dalam industri halal semasa. Kajian ini bertujuan untuk menjawab permasalahan utama iaitu ketiadaan kajian yang menggabungkan perspektif daripada kitab *al-Tibb al-Nabawi* dengan perbincangan daripada kajian saintifik iaitu mengumpulkan perbincangan berkaitan penggunaan inai (*Lawsonia inermis* L.) dalam kitab *al-Tibb al-Nabawi* oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah dari sudut aplikasi terapeutik dan kosmetik.

METODOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berteraskan analisis teks dan dokumentasi bagi meneliti potensi *Lawsonia inermis* (inai) dalam aplikasi farmaseutikal dan kosmetik halal. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan penyelidik memahami makna, konteks dan kefahaman yang mendalam terhadap penggunaan inai sebagaimana yang diuraikan dalam teks klasik Islam, serta membandingkannya dengan hasil kajian saintifik kontemporari. Sumber utama kajian ini ialah kitab *al-Tibb al-Nabawi* karangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah, yang merupakan salah satu rujukan penting dalam perubatan Islam klasik. Kandungan kitab ini dianalisis secara tematik, di mana semua rujukan berkaitan inai akan dikenalpasti, disusun, dan dikategorikan mengikut fungsi potensi rawatan. Hasil daripada analisis ini akan dihipunkan ke dalam tema-tema seperti rawatan luka, penyakit kulit, sakit kepala, serta penyakit kusta.

Selain itu, kajian ini turut melibatkan analisis dokumentasi sekunder dengan meneliti jurnal-jurnal saintifik terkini yang melaporkan kajian terhadap *Lawsonia inermis*, khususnya dalam bidang farmakologi dan fitokimia. Sumber-sumber ini diperoleh melalui pangkalan data seperti Scopus AI, PubMed, Google Scholar dan ScienceDirect melalui PERMATA PTAR UiTM. Data daripada kedua-dua sumber tradisional dan moden ini kemudiannya dianalisis secara perbandingan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam pendekatan rawatan serta potensi terapeutik inai. Melalui gabungan kedua-dua sumber ilmu – turath dan sains moden – kajian ini diharap dapat memberikan gambaran holistik terhadap nilai dan potensi *Lawsonia inermis* sebagai bahan asas dalam pembangunan produk farmaseutikal dan kosmetik halal yang berasaskan warisan perubatan Islam.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini membandingkan dua karya *al-Tibb al-Nabawi* كتاب الطب النبوي di dalam versi bahasa Arab (kemaskini) Ibn Qayyim, 1999). Beberapa istilah dari buku terjemahan versi bahasa Melayu yang berjudul “*Perubatan Rasullullah, Kenapa Rasulullah Sentiasa Sihat?*” (diulang cetak: 2015), judul asalnya adalah *Tibbun Nabawi* yang dikarang oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah tahun penerbitan 2015. Buku tersebut telah diterjemah oleh Nabilah Abd. Jalil dan disemak oleh Panel Editor Al-Hidayah, buku versi bahasa terjemahan ini mengandungi 501 muka surat. Ia dimulai dengan menghuraikan Klasifikasi Penyakit, Rawatan Penyakit Jasmani, Panduan Nabi untuk Mengubati Diri Sendiri, Setiap Penyakit ada Ubatnya, Panduan Nabi SAW mengenai Makan dan Minum dan Tiga Jenis Rawatan Nabi SAW. Buku ini mempunyai dua bahagian: Bahagian 1- Rawatan Dengan Bahan Rawatan Bahan Semulajadi, dan Bahagian 2- Rawatan Dengan Ruqyah dan Ubat-Ubatan Semulajadi.

Kajian ini turut membandingkan beberapa istilah saintifik dari versi bahasa inggeris “*Healing with the Medicine of the Prophet*” oleh Ibn Qayyim (2010) untuk melihat ketepatan makna dan penggunaannya.

Kajian ini memfokuskan tumbuhan inai yang disebut dan dibincangkan oleh Ibn Qayyim (1999) pada halaman 99 hingga halaman 104, versi bahasa Melayu Ibn Qayyim (2015) pada halaman 119 sehingga halaman 123.

Pada Bahagian 1: Rawatan Dengan Bahan Semulajadi dalam sub bab Mengubati Sakit Kepala Dan Migrain, pengkaji membincangkan kaedah rawatan yang diketengahkan oleh Ibn Qayyim (2015) bagi rawatan sakit kepala dan migrain, rawatan luka, rawatan seriawan³, kegunaan daun inai dalam mencegah penyakit kusta, dan inai digunakan dalam rawatan sakit perut dengan membandingkan kaedah rawatan pada masa kini. Kemudiannya mengemukakan kajian saintifik dan menjalankan uji kaji bersesuaian berkaitan inai untuk mengetahui potensi inai berdasarkan penemuan melalui kupasan hadith dan kaedah rawatan dari Ibn Qayyim (2015). Inai disebut dalam sub topik Senarai Ubat-Ubatan dan Amalan Menyembuhkan Penyakit, inai disebut pada halaman 378 (Huruf Ha merujuk kepada *Henna* ditelakkan berturut mengikut senarai huruh abjad), halaman 380, 381, 430 dan 452.

Pada halaman 380, Ibn Qayyim (2015) menyatakan rawatan membuang kudis pada kaki. Jintan Hitam (*Habbatus Saudaa'*) yang dibakar dan dicampurkan dengan lilin yang dilelehkan bersama inai atau minyak bunga iris boleh membantu membuang kudis pada kaki setelah kaki dicuci dengan cuka. Pada halaman 381, kaedah merawat masalah kanser hati adalah yang adalah dimasak tumbuhan *Cress* (Selada Air)⁴ dengan inai. Ramuan ini boleh mengeluarkan pengumpulan berbahaya dalam dada yang merujuk kepada limpa (*Spleen tumors*) dalam versi Inggeris, Ibn Qayyim (2010). Versi Ibn Qayyim (2015) pada halaman 430, inai disenaraikan sebagai turutan huruf “Faa” dengan dimaksudkan sebagai *Faghiyah* yang merujuk kepada *henna blossom*/ bunga inai pada versi Ibn Qayyim (2010) ms. 363.

Kitab *al-Tibb al-Nabawi* ms. 122 versi bahasa melayu Ibn Qayyim (2015) menjelaskan bahawa inai mempunyai dua sifat iaitu sifat pertama adalah bersifat sejuk/dingin dan sifat kedua adalah bersifat kering. Sifat pertama adalah kandungan cecair panasnya boleh menghilangkan bau sesuatu dan sifat kedua adalah kandungan mineralnya yang dingin bermanfaat sebagai pencegah keradangan/ kesakitan. Hal ini bermakna pada tahap pertama, inai boleh digunakan secara terus ataupun asli/segar dan pada tahap kedua inai boleh digunakan dengan cara mendapatkan ekstrak inai.

Potensi Inai Dalam Rawatan Sakit Kepala dan Migrain

Kupasan Ibn Qayyim di dalam kitabnya dimulai dengan membawa hadith riwayat Ibn Mājah bermaksud “*Ketika Nabi SAW menderita sakit kepala, baginda membungkus kepalanya dengan inai dan berkata, “Ini akan menyembuhkan sakit kepala dengan izin Allah”*”, seperti dalam Rajah 1.⁵

³ Menurut Kamus Sains daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Sejenis penyakit yang diakibatkan oleh infeksi kulat *Candida albicans* yang sering dihadapi oleh bayi dan kadangkala orang dewasa yang rentan. Penyakit ini dicirikan oleh tompok-tompok putih di dalam mulut. Kamus Dewan Online, (Kmais Sains), laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dengan entri “seriawan”, diakses pada 2 april 2025, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seriawan&d=333380&#LIHATSINI>

⁴ Terdapat 2 jenis yang merujuk kepada jenis tumbuhan cress iaitu garden cress (*Lepidium sativum*) dan Watercress (*Nasturtium officinale*). Sekiranya penterjemah memaksudkan cress dengan Selada Air ia merujuk kepada jenis spesies *Nasturtium officinale*. Rujuk laman sesawang di <https://www.britannica.com/plant/cress>

⁵

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْحَضْرَمِيُّ قَالَ: ثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي سَيْبَةَ قَالَ: ثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ الْحَكَمِ بْنِ عَوْنَةَ قَالَ: ثَنَا الْأَخْوَصُ بْنُ حَكِيمٍ، عَنْ أَبِي عَوْنٍ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، «أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا نَزَلَ عَلَيْهِ الْوُحْيُ صَدَّعَ، فَيَغْلِفُ رَأْسَهُ بِالْحَبَاءِ

لَمْ يَزُوْهُ هَذَا الْحَدِيثُ عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ إِلَّا أَبُو عَوْنٍ، وَلَا عَنْ أَبِي عَوْنٍ إِلَّا الْأَخْوَصُ، وَلَا عَنْ الْأَخْوَصِ إِلَّا سُلَيْمَانُ بْنُ الْحَكَمِ بْنِ عَوْنَةَ، ثُمَّ رَوَاهُ بِهِ مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي سَيْبَةَ

Abū al-Qāsim Sulaymān Ibn Ahmad al-Ṭabarānī, *-al-Mu'jam al-Awsāt* (Kaherah: Dār al-Haramayn lil Tabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi, 1995), 6:5, no Hadith 5629. Ṭariq Ibn 'Iwād Allāh Ibn Muḥammad dan 'Abd al-Muḥsin Ibn Ibrāhīm al-Husayni dalam semakan *mentahqiqkan* terhadap riwayat ini menyebutkan hadith ini bermasalah. Peristiwa Hadith ini adalah secara bersendirian tidak ada jalur lain yang menyokong periwayatan hadith ini. Perawi bernama Ahwas merupakan periwayatan yang dhaif dan sanad hadith tersebut telah dihukum dhaif oleh Imam Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Walaupun begitu hadith ini dhaif, menurut pengkaji isi kandungannya adalah benar menurut kajian semasa.



Rajah 1: Bab Huraian Ibn Qayyim berkaitan Inai.

Sumber: *Kitāb al-Tibb al-Nabawī, Ibn Qayyim (1999) versi Bahasa Arab ms 99.*

Ibn Qayyim al-Jawziyyah telah menyenaraikan punca sakit kepala dan migrain. Beliau telah mengemukakan jenis rawatan yang bersesuaian berdasarkan petunjuk daripada hadith Rasulullah SAW dengan menggunakan inai. Ibn Qayyim menyatakan jika sakit kepala disebabkan oleh demam panas, inai dapat membantu meredakannya dengan cara, pertama inai perlulah dihancurkan terlebih dahulu kemudiannya dicampur cuka, hasil campuran dilumurkan pada dahi. Hal ini kerana inai digunakan sebagai pembalut boleh menenangkan saraf (Amin et al., 2013, Salma et al., 2024). Tambahannya lagi, inai juga baik jika digunakan sebagai pembalut untuk mengubati kebengkakan dan keradangan.

Ibn Qayyim (2015) dalam halaman 120-121, menyatakan bahawa rasa sakit kepala adalah muncul pada satu bahagian atau seluruh tetapi berbeza migrain yang menyerang pada satu bahagian. Terdapat 17 punca penyebab sakit kepala:

1. Berpunca daripada ketidakseimbangan empat keadaan asas iaitu; dingin, panas, kering dan basah.
2. Berlakunya ulser perut menyebabkan rangsangan daripada saraf sefalon (berkaitan dengan kepala).
3. Adanya gas yang berkumpul dalam perut dan naik ke kepala sehingga menyebabkan sakit kepala.
4. Sakit kepala disebabkan oleh tumor dalam pembuluh darah perut.
5. Ketika perut dipenuhi makanan, kadangkala muncul sakit kepala kerana sebahagian makanan tidak dicernakan.
6. Sakit kepala kadang kala berlaku setelah melakukan hubungan seks kerana tubuh menjadi lemah dan masuknya udara panas.
7. Sakit kepala berlaku setelah muntah akibat kekeringan yang berlebihan atau kerana pengumpulan gas dalam perut naik menuju pada kepala.
8. Cuaca dan udara panas.
9. Sakit kepala kadangkala disebabkan hawa dingin dan wap yang terkumpul pada kepala tidak mampu menemui jalan keluar.

10. Kurang tidur/ tidur tidak mencukupi.
11. Sakit kepala disebabkan oleh tekanan yang menimpa kepada contohnya ketika seseorang memikul beban berat pada kepalanya.
12. Bercakap berlebihan kadangkala melemahkan fikiran sehingga menyebabkan sakit kepala.
13. Aktiviti berlebihan dan senaman berat juga boleh menyebabkan sakit kepala.
14. Gejala psikologi seperti kesedihan, kemurungan, obsesi dan fikiran negatif boleh menyebabkan sakit kepala.
15. Sakit kepala disebabkan lapar yang luar biasa kerana gas berlebihan yang berkumpul di dalam perut naik menuju ke otak.
16. Orang yang menderita tumor pada lapisan serebrum (otak besar) kadangkala merasa seolah-olah ada tukul (tekanan) yang sentiasa memukul kepala mereka.
17. Demam yang menyebabkan panas pada kepala dan menyebabkan sakit.

Penjelasan yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim dalam kitabnya menyerupai kaedah rawatan yang diguna pakai pada masa kini. Menurut Ashina et al., (2021) migrain (sakit kepala) dirasakan di bahagian kepala iaitu dahi ke tengkuk dan boleh menyerang pada semua peringkat usia. Ada ketika sakit kepala boleh reda tanpa melalui sebarang rawatan. Ada juga sakit kepala yang berulang memerlukan rawatan segera serta konsultasi daripada doktor untuk mengenal pasti punca dan jenis rawatan yang bersesuaian. Salah satu punca sakit kepala adalah berpunca daripada demam, kesakitan gigi, strok, tekanan darah tinggi dan rendah, kekejangan otot leher, keracunan makanan, penyakit kronik seperti kanser, kegagalan buah pinggang, pesakit HIV, dan juga Migrain.

Sellick & Ailani (2025) menyebutkan bahawa migrain berlaku apabila beberapa saluran darah di dalam kepala mengalami pengembangan lebih besar daripada kebiasaan menyebabkan urat saraf sensori menjadi teransang lalu menghantar isyarat sakit ke otak. Antara faktor yang mengakibatkan tercetusnya serangan migrain adalah pengambilan alkohol (minuman keras), stress/tekanan, kesan daripada beberapa jenis makanan seperti keju, coklat, meminum teh dan kopi, tidur yang tidak mencukupi serta kurang rehat, perubahan hormon ketika kitaran haid berlaku dan tabiat merokok yang tidak baik. Jenis migrain boleh diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu, jenis migrain klasik⁶ dan jenis migrain biasa⁷.

Terdapat beberapa rawatan migrain yang dicadangkan Agbetou & Adoukonou (2022), antaranya adalah jenis bukan farmakologikal yakni tanpa pengambilan ubat-ubatan seperti mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan mengamalkan diet makanan yang seimbang serta berkhasiat tanpa perasa (MSG) dan bahan pengawet, berhenti merokok, bebas daripada mengambil alkohol dan dadah. Selain itu, pesakit dinasihatkan untuk mengetahui punca dan penyebab migrain, dan cuba mengelakkan faktor pencetusnya seperti stress, kemurungan, pencemaran alam sekitar, pengambilan ubat hormon seperti progesteron atau estrogen, ubat tidur dan lain-lain lagi. Sekiranya berlarutan dan memberikan kesan sakit yang berpanjangan, pesakit perlu mendapatkan rawatan perubatan yang sesuai dalam mengawal sakit migrain melalui rawatan farmakologikal. Rawatan migrain melalui farmakologikal iaitu kaedah rawatan menggunakan ubat. Terdapat dua jenis rawatan iaitu; rawatan pertama ialah rawatan akut. Rawatan akut adalah rawatan yang memberikan kelegaan sakit terus kepada pesakit dengan pengambilan ubat seperti ubat tahan sakit antaranya sumatriptan, ibuprofen, diclofenac(voltaren) dan lain-lain lagi. Selain itu rawatan kedua adalah kaedah pencegahan melalui rawatan pencegahan adalah rawatan jenis kedua yang

⁶ **Migrain Klasik**- sebelum sakit kepala, tanda-tanda awal dikenali sebagai 'aura' atau 'prodrome' akan dialami sebagai tanda amaran. Aura yang dikenalpasti ialah nampak kilauan cahaya, garisan zigzag, penglihatan berbayang, kebas, pening, dan sukar bercakap dengan jelas. Selepas tanda-tanda ini hilang, migrain akan menyerang.

⁷ **Migrain Biasa**- sakit kepala dialami tanpa amaran terlebih dahulu. Migrain jenis ini lebih kerap dialami, terutama di kalangan kaum wanita.

mampu mencegah serangan migrain dan seterusnya dapat mengurangkan kekerapan serangan migrain berlaku. Antara ubat yang digunakan adalah seperti flunarizine dan topiramate.

- 1) Jenis rawatan akut adalah sesuai untuk rawatan migrain peringkat sederhana, cukup dengan pengambilan ubat paracetamol. Sekiranya ubat paracetamol tidak mengurangkan sakit pesakit, doktor ataupun ahli farmasi akan mencadangkan untuk mengambil ubat tahan sakit dari jenis ubat penahan sakit bukan steroid juga dikenali sebagai *Nonsteroidal anti-inflammatory drugs* (NSAIDs) seperti *mefenamic acid*, *diclofenac* atau *ibuprofen* berdasarkan nasihat dan pemantauan doktor atau ahli farmasi.
- 2) Kaedah Pencegahan pula, pesakit akan mengambil ubat jenis ubat profilaksis, ubat *topiramate* (Jenis dadah sintetik digunakan untuk mencegah serangan migrain pada orang dewasa tetapi perlu digunakan dengan berhati-hati terutamanya wanita di usia subur kerana boleh menyebabkan kecacatan kelahiran), ataupun *flunarizine*.

Ubat Topiramate atau dikenali dengan nama pasaran TOPAMAX^{®8} boleh didapati dalam dos serendah 25mg, 50mg, 100mg dan 200mg dan berfungsi dalam membantu menenangkan perangsangan sel-sel saraf yang berlebihan dalam otak, sekali gus menghalang isyarat yang boleh menyebabkan migrain. Daripada hasil perbandingan antara cara rawatan yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim dengan mengaplikasikan inai dalam rawatan sakit kepala dengan rawatan terkini yang menggunakan ubat *Topiramate* dan sejenis dengannya, dapatlah disimpulkan tiga pandangan seperti berikut:

Pertama: Dengan mengetahui punca penyebab sakit kepala adalah langkah terbaik dalam merawat sakit kepala. Ia adalah bertepatan dengan konsep perubatan yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim dan rawatan moden masa kini.

Kedua: Kedua-dua rawatan adalah berfungsi untuk menenangkan saraf agar dapat dikurangkan ketegangan pada saraf di kepala dan dipercayai dapat mengurangkan sakit kepala.


Ketiga: Rawatan yang diketengahkan oleh Ibn Qayyim adalah bersifat luaran iaitu ia lebih selamat dan tiada kesan sampingan yang dilaporkan (walaupun begitu uji kaji terkini perlu diselarikan dengan ujian di makmal) berbanding dengan rawatan terkini bersifat dalaman (makan) dan telah dilaporkan ubat *Topiramate* mempunyai kesan sampingan kepada kesihatan manusia sekiranya digunakan tanpa kaedah yang betul. Sila rujuk laman sesawang National Pharmaceutical Regulation Agency (NPRA) berkaitan dengan amaran yang dikeluarkan terhadap ubat Topiramate (Topamax[®]) artikel bertarikh 29 November 2023.

Potensi Inai Dalam Rawatan Luka

Ibn Qayyim turut menjelaskan bahawa inai boleh digunakan sebagai pembalut pada kawasan sakit. Inai dapat menyembuhkan luka terbakar dan kudis di sekeliling kuku kerana sifat inai dapat menenangkan saraf.

⁸ TOPAMAX[®] adalah tergolong dalam jenis ubat-ubat anti-epileptik: Ia juga digunakan untuk mencegah migrain dan juga digunakan untuk merawat sawan bagi kanak-kanak dan orang dewasa. Ubat ini adalah berdaftar dengan KKM dengan mempunyai no pendaftaran MAL dibawah kategori AZ diakhir selepas 8 digit yang membawa maksud; A – Ubat mengandungi racun terkawal & Z – Produk yang digezetkan sebagai berkadar sifar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.

<https://doi.org/10.24191/jhsmr.v1i1.8985>



Rajah 2: Hadith yang dirujuk dalam Kitab *al-Tibb al-Nabawī* Ibn Qayyim (1999)

Sumber: *Kitāb al-Tibb al-Nabawī, Ibn Qayyim 1999, ms 102.*

Diriwayatkan dalam hadith Rasulullah SAW yang telah dibincangkan pada bab ketiga, Kitab al-Tibb, Bab Ma Ja'a fi al-Tadawa bi al-Hinna', hadith no. 2054 (*Jāmi' al-Tirmidhī*).

[2054] عَنْ عَلِيٍّ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، عَنْ جَدِّهِ سَلْمَى ، وَكَانَتْ تَخْدُمُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ : " مَا كَانَ يَكُونُ رَسُولُ اللَّهِ قَرْحَةً وَلَا نَكَبَةً إِلَّا أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ أَنْ أَضَعَّ عَلَيْهَا الْحِنَاءَ "

Terjemahan: Diriwayatkan dari 'Ali bin 'Ubaidillah, dari datuknya, Salma yang pernah melayani Nabi Muhammad SAW berkata: Apabila Rasulullah SAW luka (bisul) dan tertusuk duri, maka baginda SAW memerintahku untuk meletakkan inai di atas luka tersebut.⁹

Berdasarkan perbincangan hadith di atas dalam syarah kitab "*Tuhfah al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī*" oleh Muhammad 'Abd al-Rahmān Ibn 'Abd al-Rahīm al-Mubārakfūrī. Apabila Nabi SAW mengalami luka, Nabi SAW akan letakkan inai ke atas luka tersebut: yakni disebabkan oleh sifat inai yg sejuk/dingin yang meredakan/meringankan panas (sakit) akibat luka dan pengaliran darah.

Kaedah rawatan luka menggunakan inai juga telah diamalkan dan direkodkan dalam etnobotani Melayu. Caranya adalah dengan membersihkan dahulu daun inai, kemudiannya daun inai ditumbuk menggunakan lesung batu atau seumpamanya sehingga lumat.


Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) melalui Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga telah menerbitkan dan mengedarkan Garis Panduan Perkhidmatan Penjagaan Luka di Fasiliti Kesihatan Primer pada tahun 2019. Garis panduan tersebut telah memperincikan jenis luka kepada lapan jenis, bermula dari jenis peringkat pertama iaitu, jenis luka peringkat pembentukan tisu granulasi, tisu epitelium, jenis luka apabila kehadiran eksudat di atas tisu kulit, jenis luka yang menunjukkan jangkitan, jenis luka telah dijangkiti kuman kurang atau lebih dari 25% bahagian tisu nekrotik, hinggalah ke peringkat ke-8 iaitu

⁹ Muhammad bin 'Isā bin Sāwrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi', 1996), 464 (Kitab al-Tibb, Bab Ma Ja'a fi al-Tadawa bi al-Hinna', no. Hadith 2054).

قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ إِنَّمَا نَعْرِفُهُ مِنْ حَدِيثِ قَائِدٍ وَزَوَى بَعْضُهُمْ هَذَا الْحَدِيثَ عَنْ قَائِدٍ وَقَالَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَلِيٍّ عَنْ جَدِّهِ سَلْمَى وَعَبِيدُ اللَّهِ بْنُ عَلِيٍّ أَصَحُّ حَدِيثًا مُحَمَّدُ بْنُ الْعَلَاءِ حَدَّثَنَا زَيْدُ بْنُ خُبَابٍ عَنْ قَائِدٍ مَوْلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَلِيٍّ عَنْ مَوْلَاهُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَلِيٍّ عَنْ جَدِّهِ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْوَهُ بِمَقَادٍ.

Terjemahan: Berkata Abu Isa; Ini merupakan hadith *Hasan Gharib*, hanya kami ketahui kecuali dari hadithnya Qa'id. Sebagian mereka meriwayatkan hadith ini dari Qa'id dan dia berkata; Dari Ubaidullah bin Ali dari neneknya Salma dan Ubaidillah bin Ali lebih *sahih*. Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Allaa' telah menceritakan kepada kami Zaid bin Hubab dari Fa'id Maula Ubaidullah bn Ali, dari bekas budaknya Ubaidullah bin Ali dari neneknya dari Nabi ﷺ seperti hadith di atas dengan maknanya.


jenis luka yang basah, luka telah dijangkiti melebihi 25% kawasan tisu nekrotik. Kedudukan tisu epitelium adalah seperti Rajah 3 berikut.



Rajah 3: Struktur kulit menunjukkan pelbagai jenis sel dan tisu: (a) Sel Epitelium; (b) Tisu Penghubung; (c) Otot; (d) Sel Epitelium yang melepasi saluran kelenjar peluh; (e) tisu adiposa di bawah dermis.

Sumber: *Structure and Function of Skin*, laman sesawang rasmi Lumen Learning (2025).

Kaedah Diagnosis & Preskripsi diaplikasikan dapat dilihat pada Rajah 4: Carta Alir Penilaian Luka Untuk Menentukan Jenis Luka Pesakit berdasarkan Garis Panduan. Bermula dengan mendiagnosis terlebih dahulu jenis luka untuk mengetahui jenis luka pesakit, kemudian akan diberikan rawatan (preskripsi) yang bersesuaian berdasarkan jenis luka.



Rajah 4: Carta Alir Penilaian Luka Untuk Menentukan Jenis Luka Pesakit.

Sumber: Garis Panduan Perkhidmatan Penjagaan Luka di Fasiliti Kesihatan Primer (2019).

Berdasarkan Rajah 4, antara penilaian yang digunakan adalah dengan memeriksa jenis luka terlebih dahulu, kemudian melengkapkan borang penilaian luka, mengambil gambar luka (untuk kes tertentu sahaja), dan akhirnya dilakukan prosedur pencucian luka. Sekiranya perlu, pesakit akan diberikan pendidikan kesihatan/ kaunseling antaranya amalan pemakanan sihat, aktiviti fizikal, penjagaan luka, pengambilan ubat, dan lain-lain amalan gaya hidup sihat. Pesakit akan diberikan preskripsi ubat sekiranya perlu dan akan diberikan temujanji untuk rawatan susulan bagi kes-kes tertentu. Antara kaedah rawatan yang digunakan adalah dengan mencuci luka (*Dressing Solutions*) dari cecair antiseptik (*Antiseptic solutions*) seperti larutan cucian luka seperti *iodine*, *chlorhexidine*, *hydrogen peroxide* dan alkohol. Turut digunakan ialah jenis larutan bukan antiseptik (*Non antiseptic solutions*) seperti *normal saline* (campuran garam dan air) dan air. Kemudian dengan menggunakan *Dressing Materials* untuk membantu proses penyembuhan luka antara bahan yang digunakan adalah *Iodine base dressing*, *Hydrogel*, *Hydrocolloid*, *Hydrofiber* dan lain-lain mengikut jenis luka.

Daripada hasil analisis terdapat tiga persamaan rawatan moden dengan kaedah rawatan. Ibn Qayyim al-Jawziyyah seperti berikut:

Pertama: Jenis luka perlu didiagnosis terlebih dahulu. Menurut hadith Rasulullah SAW yang disyarahkan oleh *al-Mubārakfūrī* terdapat dua jenis luka iaitu *Qarhatun* (قرحة) - jenis luka akibat benda tajam seperti pisau, pedang dan seumpamanya, dan *Nakbatun* (نكبة) - jenis luka akibat batu atau duri dan selainnya. Menurut rawatan moden terdapat lapan jenis luka seperti yang disebutkan diatas. Hal ini menunjukkan memerlukan pengetahuan asas bagi mengenal pasti jenis luka dari punca terjadinya luka.

Kedua: Kaedah yang digunakan adalah berunsur mencegah jangkitan luka terlebih dahulu. Menurut Ibn Qayyim inai mempunyai kandungan tanah yang dingin yang mempunyai fungsi sebagai pencegah. Sifat inai sebagai pencegah demikian dapat digunakan secara langsung/ terus ke atas luka. Hasil kajian literatur, inai mempunyai sebatian aktif antioksidan dan antibakteria. Antioksidan berfungsi menghalang enzim tromboplastin daripada diganggu oleh radikal bebas dan melambatkan kesan keradangan. Tanpa kehadiran radikal bebas, proses penyembuhan kulit akan lebih cepat. Maka, kaedah yang dicadangkan oleh Ibn Qayyim mempunyai persamaan dengan kaedah rawatan masa kini. Menurut kaedah rawatan moden, kaedah pencegahan diaplikasikan dengan menggunakan cecair antiseptik seperti iodine dan lain-lain yang dapat mencegah jangkitan mikrob dan iodine turut mengandungi antioksidan (Morozov & Belyak, 2021).

Ketiga: Penggunaan sebagai pembalut. Menurut Ibn Qayyim, kaedah rawatan yang digunakan adalah dengan mengaplikasikan inai sebagai pembalut kerana inai bersifat dingin dan dapat menenangkan saraf. Menurut rawatan moden, kaedah membalut digunakan dengan menggunakan *Primary dressing* merangkumi sebarang *dressing material* yang diletakkan di *wound bed* sebelum ditutup seperti *hydrogel* ataupun *honey*, yang memberikan sifat menenangkan pada kulit dan berguna pada luka terbakar (Tavakoli & Klar, 2020).

Secara kesimpulannya, hasil analisis mendapati, kaedah Diagnosis dan Preskripsi Ibn Qayyim dalam penggunaan inai adalah relevan dan bersesuaian yang masih diamalkan sehingga kini.

Potensi Inai Berfungsi Sebagai Antikulat Dalam Rawatan Seraiwan

Ibn Qayyim menyatakan bahawa inai jika dikunyah boleh mengubati sakit seraiwan seperti **rajah 5**¹⁰ (السلاق العارض) dan radang selaput mukosa pada bahagian mulut kanak-kanak seperti **rajah 6** (افواه الصبيان).

¹⁰ Menurut Kamus Sains: Thrush (seraiwan) Sejenis penyakit yang diakibatkan oleh infeksi kulat *Candida albicans* yang sering dihidapi oleh bayi dan kadangkala orang dewasa yang rentan. Penyakit ini dicirikan oleh tompok-tompok putih di dalam mulut. <https://doi.org/10.24191/jhsr.v1i1.8985> © Muhammad Remy Othman, 2025

(فصل) والحِناء باردٌ في الأولى، يابسٌ في الثانية. وقوةُ شجر الحناء وأغصانها مركبةٌ من قوة محللة اكتسبتها من جوهر فيها مائيٌّ حار باعتدال، ومن قوة قابضةٍ اكتسبتها من جوهر فيها أرضيٌّ بارد.

ومن منافعه: أنه محللٌ نافع من حرق النار، وفيه قوة موافقة للعصب: إذا ضُمد به. وينفع إذا مضغ من قروح الفم والسلاق العارض فيه. ويبرئ القلاع الحادث في أفواه الصبيان، والضماد به ينفع من الأورام الحارة المليهة، ويفعل في الخراجات^(١) فعل دم الأخوين^(٢). وإذا خلط نوره^(٣) مع الشمع المصنَّى ودهن الورد: ينفع من أوجاع الجنب.

= أخرجه أبو داود، والترمذي، وابن ماجه، وأحمد، والحاكم، والبخاري في التاريخ بأسانيد كلها ضعاف ونقل شارح الترمذي عن ابن العربي!! تضعيف كل ما ورد في الحناء، ورده. وقال الفيروزآبادي [في سفر السعادة]: باب فضائل الحناء لم يثبت فيه شيء. وكفى بحكهما فيصلاً!! اهـ ق.

(١) كذا بالأصل. وفي الزاد (ص ٩١): «الجراحات».

(٢) في التذكرة - بعد أن ترده في بيان حقيقته -: «والصحيح أنا لا نعرف أصله؛ وإنما يجلب هكذا من بلاد الهند». اهـ ق.

(٣) سبق تفسير «النورة»!!! اهـ ق.

(٤) بالأصل: «أربعون... عشرون». وفي الزاد: «أربعين... عشرين». وفي كل تصحيف.

١٠٣

Rajah 5: Penyakit Seraiwan (السلاق العارض) dalam Kitab *al-Tibb al-Nabawī* Ibn Qayyim.

Sumber: *Kitāb al-Tibb al-Nabawī, Ibn Qayyim 1999, ms 103.*

Penyakit seraiwan dicirikan dengan kehadiran tompok-tompok putih di dalam mulut. Ciri tompok putih ini jika dilihat seolah-olah seperti sisa penyusuan susu (Debta et al. 2020), tetapi tidak mudah tertanggal dan mungkin akan berdarah jika digosok seperti dalam Rajah 6. Hal ini akan mengakibatkan ketidakselesaian pada mulut bayi, menyebabkan bayi tidak ingin menyusu, hilang selera makan, serta cepat merengek. Menurut sumber *National Health Service, UK (NHS)* laman sesawang *The Asian Parent* (2020), penyakit seraiwan ini perlu dirawat dengan menggunakan gel antikulat mulut.

Kamus Dewan Online, (Kamus Sains) laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dengan entri “seriawan”, diakses 20 April 2016, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seriawan&d=333380&#LIHATSINI>
Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat: Seraiwan - Definisi: I sj penyakit pd mulut atau lidah (kelihatan merah seolah-olah melepuh); ~ usus a) sj penyakit lemah badan (kerana kurang makan buah-buahan, atau sayur-sayuran tetapi banyak makan daging); b) sj penyakit perut yg menyebabkan selalu buang-buang air (biasanya pd kanak-kanak).
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seriawan>
<https://doi.org/10.24191/jhsr.v1i1.8985>




Rajah 6: Tompok Putih pada lidah bayi akibat jangkitan kulat candida (*Candida albicans*) yang menyebabkan sakit seriawan/Thrush.

Sumber: Portal Theasianparent.com (2020).

Potensi Inai Dalam Rawatan Demam Cacar Air

Ibn Qayyim (1999), turut menyebut tentang rawatan cacar air (الجدري) (smallpox) rujuk Rajah 7. Sekiranya cacar air (ruam pada kulit) mula kelihatan perlu dilumurkan inai di kakinya.



Rajah 7: Penyakit cacar (الجدري) dalam Kitab *al-Tibb al-Nabawī* Ibn Qayyim.


Sumber: *Kitāb al-Tibb al-Nabawī*, Ibn Qayyim 1999, ms 103.

Menurut Rodriguez-Santana et al. (2019), cacar lebih dikenali dengan nama cacar air bawaan virus *varicella-zoster* (VZV) yang biasa berlaku pada kanak-kanak turut menyebabkan kayap. Sebelum kehadiran ruam bintik, gejala cacar air yang lain adalah bayi rasa tidak sihat, demam, serta keletihan selama lima hari, disusuli dengan ruam bintik merah kecil serta gatal kelihatan seperti jerawat merebak di seluruh badan termasuklah mulut. Bintik merah ini akan bermula di bahagian dada dan belakang badan, mula merebak ke kawasan muka, kepala serta kedua belah kaki dan tangan. Lebih kurang 24 jam, ruam mula kelihatan seperti lepuh air (*blisters*), kemudiannya pecah, kering dan akhirnya menjadi keruping selama 4-5 hari. Proses ini mengambil masa sekurang-kurangnya dua minggu untuk hilang sepenuhnya. Kaedah pencegahan cacar air adalah dengan mengambil suntikan pelalian vaksin *varicella*, boleh didapati

di hospital dan klinik swasta kerana vaksinasi ini tidak dimasukkan dalam Program Imunisasi Kebangsaan. Cacar air boleh dicegah dengan mengelakkan anak daripada penyakit tersebut. sekiranya dijangkiti, sapu losen *kalamine* pada tempat ruam, potong kuku supaya mengelak daripada kecederaan kulit semasa menggaru, makan ubat *paracetamol* untuk mengurangkan demam, dan jika rasa gatal keterlaluan gunakan ubat *antihistamine* yang diberi doktor. Cacar air adalah berbeza dengan campak (measles) di mana dimasukkan dalam jadual imunisasi kanak-kanak dua tahun ke bawah selama tiga kali suntikan, ia dikenali dengan vaksin MMR adalah *measles* (campak), *mumps* (beguk) dan *rubella*.

Potensi Inai Dalam Rawatan Pencegahan Penyakit Kusta

Ibn Qayyim(1999) telah memberikan satu formulasi bagi kegunaan daun inai dalam mencegah penyakit kusta (الجدام). Formulasi tersebut adalah daun inai direndam dalam air tawar lalu diperah dan diminum selama 40 hari dengan sukatan dos 20 sudu ditambah dengan 10 sudu gula setiap hari, ia dimakan bersama daging biri-biri muda seperti Rajah 8.



Rajah 8: Penyakit kusta (الجدام) dalam Kitab *al-Tibb al-Nabawī* Ibn Qayyim.

Sumber: *Kitāb al-Tibb al-Nabawī*, Ibn Qayyim 1999, ms 103.

Apakah itu penyakit kusta? Apakah penyebab penyakit kusta? Bagaimana ia merebak? Untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut dan perkaitannya yang diformulasikan oleh Ibn Qayyim, pengkaji meneliti beberapa artikel berkaitan dengan penyakit kusta.

Sejarah penubuhan Pusat Kawalan Kusta Negara Sungai Buloh (PKKN) telah ditubuhkan di bawah Enakman Kusta 1926 ketika era pemerintahan kerajaan Bristih. Ketika itu, 3000 pesakit kusta dari seluruh negara perlu diasingkan daripada masyarakat. Pada tahun 1926 juga, kerajaan telah mengisytiharkan Pusat Kawalan Kusta Negara Sungai Buloh (Lembah Harapan) sebagai tempat pengasingan koloni kusta. Pada tahun 1940, ubat "*Dapsone*" telah ditemui telah membolehkan pesakit kusta mendapatkan rawatan sepanjang hayat. Pilot Projek Rawatan "*Multiple Drug Therapy* (MDT)" dilancarkan pada tahun 1983, semua penyakit kusta boleh disembuhkan dengan hanya memakan masa satu hingga tiga tahun sahaja iaitu pada tahun 1985. Pada tahun 1994, Malaysia berjaya mengurangkan jangkitan penyakit kusta dengan kes baru direkodkan kurang daripada 0.9 kes bagi setiap 10,000 penduduk.

Pada Rajah 9 menjelaskan infografik saringan kusta, Noor Hisham Abdullah, dalam Kenyataan Akhbar KPK 31 Januari 2021 bertajuk Sambutan Hari Kusta Sedunia 2021: Bersama Hentikan Kusta, masih direkodkan sebanyak 300-350 kes baru setelah didiagnos setiap tahun. Bagi rawatan terkini, pesakit kusta boleh dirawat dengan berkesan dan boleh tinggal bersama ahli keluarga dan tidak perlu diasingkan seperti dahulu. Tempat bersejarah PKKN telah disyorkan untuk diberi pengiktirafan sebagai tapak warisan di bawah kelompok Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) menjelang 2019. Pada setiap Ahad terakhir januari adalah sambutan Hari Kusta Sedunia seperti pada Rajah 10.



Rajah 9: Infografik saringan kusta.

Sumber: Sambutan Hari Kusta Sedunia 2021: Bersama Hentikan Kusta (kenyataan akhbar KPK bertarikh 31 Januari 2021).

Penyakit kusta adalah sejenis penyakit bawaan udara yang boleh merebak melalui titisan udara seperti bersin atau batuk. Penyakit kusta disebabkan oleh bakteria *Mycobacterium leprae*. Bakteria ini membiak dengan perlahan dengan mengambil masa lebih daripada dua hingga lima tahun untuk muncul gejala penyakit. Kini lebih 95% penduduk Malaysia secara semulajadi telah imun dan berjaya dari dijangkiti oleh bakteria kusta, terutamanya di kawasan endemik. Tanda-tanda penyakit kusta adalah seperti ruam/lesi kulit yang tidak gatal, merosakkan saraf, melemahkan otot dan hilang deria rasa pada anggota kaki dan tangan. Hilang deria rasa pada tangan menyebabkan kehilangan tindak balas tabii daripada objek tajam dan panas. Keadaan ini menyebabkan kulit akan menjadi luka dan dijangkiti kuman (Chin, C. L. 2021).



Rajah 10: a) Kusta tuberkuloid, b) Kusta lepromatus dengan keadaan cuping telinga menebal, c) Palsy saraf ulnar membawa kepada “claw” tangan, dan d) kecacatan kaki.

Sumber: Persatuan Dermatologi Malaysia.

Secara umumnya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kaedah rawatan kusta menggunakan air rebusan inai yang diperkenalkan oleh Ibn Qayyim adalah petunjuk kepada kawalan pencegahan penyakit kusta sebagai antileprosi. Merujuk kepada MyHealth, Antileprosi adalah sejenis ubat yang digunakan untuk merawat penyakit kusta atau leprosi. Terdapat tiga ubat utama iaitu *Dapsone*, *Rifampicin* dan *Clofazimine*. Ubat ini diberi secara oral dan digunakan dalam bentuk kombinasi untuk jangka masa satu hingga lima tahun. Kesan sampingannya termasuklah kemerahan pada kulit dan sekresi badan, hemolisis dan gangguan sistem gastrousus. Sinonim ubat antileprosi, kajian saintifik turut dilakukan terhadap potensi sebatian inai (*lawson*) dalam peranan antibakteria (Choudhari, D., et al. 2020) terutamanya dari bakteria spesies *Mycobacterium* (Khazaeli, P. et al. 2019).

Potensi Inai Dalam Rawatan Sakit Perut

Hasil analisis teks mendapati terdapat enam punca sakit kepala yang dinukilkan di dalam kitab *al-Tibb al-Nabawi* Ibn Qayyim (2015) yang berpunca daripada masalah dalam perut. Antaranya adalah:

1. Berlakunya ulser perut menyebabkan saraf yang berhubung dengan kepala diaktifkan;
2. Adanya gas pekat yang berkumpul dalam perut dan naik ke kepala sehingga menyebabkan sakit kepala;
3. Tumor dalam pembuluh darah perut;
4. Sebahagian makanan yang tertinggal di dalam tidak dicerna sepenuhnya;
5. Berlaku setelah muntah akibat kekeringan yang berlebihan atau kerana pengumpulan gas dalam perut naik menuju pada kepala; dan
6. Adalah berpunca daripada lapar yang luar biasa kerana gas berlebihan yang berkumpul di dalam perut naik menuju ke otak.

Enam punca yang disenaraikan oleh Ibn Qayyim menjurus kepada masalah yang dialami di dalam perut yang menyebabkan punca sakit kepala. Pengkaji mendapati rawatan yang dicadangkan oleh Ibn Qayyim adalah lebih kepada merawat sakit kepala seperti yang telah dibincangkan pada sub bab di atas untuk menangani masalah sakit perut.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menggabungkan pendekatan analisis teks kitab *al-Tibb al-Nabawi* oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah dengan sorotan kajian saintifik moden untuk menilai potensi terapeutik dan kosmetik tumbuhan inai (*Lawsonia inermis* L.). Dapatan daripada kitab klasik tersebut menunjukkan bahawa inai telah digunakan secara meluas dalam perubatan Nabi SAW untuk merawat pelbagai kondisi seperti sakit kepala, luka, seriawan, kusta, dan demam cacar air. Aplikasi inai yang dicadangkan oleh Ibn Qayyim menunjukkan pemahaman mendalam terhadap sifat farmakologi semula jadi inai, terutamanya sifat penyejuk, anti-radang dan penyembuhan luka. Perbandingan dengan sains moden mendapati bahawa inai mengandungi sebatian aktif seperti lawson dan flavonoid yang terbukti mempunyai kesan antimikrob, antioksidan dan anti-radang. Ini mengesahkan keselarasan antara warisan perubatan Islam dan bukti saintifik terkini. Hasil kajian ini membuktikan bahawa inai mempunyai potensi besar sebagai bahan semula jadi yang boleh dimanfaatkan dalam pembangunan produk farmaseutikal dan kosmetik halal. Kajian ini turut mencadangkan bahawa warisan perubatan Islam wajar dijadikan sumber rujukan alternatif dalam inovasi penyelidikan dan pembangunan produk halal berasaskan herba.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, Malaysia atas sokongan untuk menyediakan kemudahan dalam kajian ini.

PENYATA KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis bersetuju bahawa penyelidikan ini dijalankan tanpa sebarang konflik kepentingan diri, komersial atau kewangan dan mengisytiharkan ketiadaan kepentingan yang bercanggah dengan pembiayaan.

SUMBANGAN PENULIS

Muhammad Remy Othman menjalankan penyelidikan, menulis dan menyemak semula artikel.

RUJUKAN

- Abdullah, M. F., Pesiu, E., Noor, M. I. M., Zaini, A. A., Azzeri, A., & Abdullah, M. T. (2021). Exploring ethnomedicine plants used by the indigenous communities in Terengganu, Malaysia: Human health and the environment. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 21(2), 409-425.
- Agbetou, M., & Adoukonou, T. (2022). Lifestyle modifications for migraine management. *Frontiers in neurology*, 13, 719467
- Ahmad, K. et. al., (2016). “Tumbuhan Inai Dalam Al-Quran Dan Al-hadith: Manfaat Dan Cadangan Lanjutan Berasaskan Penyelidikan Semasa”, dalam *Penyelidikan Tentang Makanan: Perspektif Nabawi Dan Saintifik*, ed. Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Khadher Ahmad & Monika @ Munirah Abd Razzak. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an & al-Hadith, APIUM (2016), 171-194.
- Amin, A. R. M. (2017) “Pengenalan kepada penggunaan herba dan tumbuh-tumbuhan dalam rawatan penyakit jasmani, Darussyifa”, dikemaskini 20 Mei 2017, http://www.darussyifa.org/artikel/PengenalanPengunaanHERBA_2Feb2015.pdf
- Amin, M. F. M. et al. (2013). “Perubatan Menurut Quran dan Sunnah” dlm Adnan Mohamed Yusof, Mohd Fauzi Mohd Amin, et.al. “Quran Melonjak Transformasi Ummah”, USIM: Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, 96-115.
- Ashina, M., Buse, D.C., Ashina, H., Pozo-Rosich, P., Peres, M.F., Lee, M.J., Terwindt, G.M., Singh, R.H., Tassorelli, C., Do, T.P. and Mitsikostas, D.D., (2021). Migraine: integrated approaches to clinical management and emerging treatments. *The Lancet*, 397(10283),1505-1518.
- Batiha, G. E. S., Teibo, J. O., Shaheen, H. M., Babalola, B. A., Teibo, T. K. A., Al-Kuraishy, H. M., ... & Papadakis, M. (2024). Therapeutic potential of Lawsonia inermis Linn: a comprehensive overview. *Naunyn-Schmiedeberg's archives of pharmacology*, 397(6), 3525-3540.
- Chin, C. L. “Maklumat kesihatan di atas diterbitkan ihsan Persatuan Dermatologi Malaysia”, diakses 21 Mac 2021, <http://www.dermatology.org.my/>.
- Choudhari, D., Salunke-Gawali, S., Chakravarty, D., Shaikh, S. R., Lande, D. N., Gejji, S. P., ... & Gonnade, R. (2020). Synthesis and biological activity of imidazole based 1, 4-naphthoquinones. *New Journal of Chemistry*, 44(17), 6889-6901.

- Debta, P., Swain, S. K., Sahu, M. C., Debta, F. M., & Mohanty, J. N. (2020). A review on oral candida as commensal and opportunistic pathogen. *Indian Journal of Forensic Medicine & Toxicology*, 14(4), 8381-8388.
- Garis Panduan Perkhidmatan Penjagaan Luka di Fasilitas Kesihatan Primer, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia, (Kumpulan Pembangunan Garis Panduan dan Piawaian Standard Operasi, 2019), 26.
- Ibn Qayyim al-Jawzīyah, (1999). Muḥammad ibn Abī Bakr,. “*Kitāb al-ṭibb al-Nabawī*” ed. Mahmoud Mohamed Al-Tanahi, Beirut: Maktabah wa Matba’at al-Nahḍat al-Hadīthat.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, (2015). “*Perubatan Rasullullah, Kenapa Rasulullah Sentiasa Sihat?*”, (terj.) Nabilah Abd. Jalil, Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- Imam Ibn Qayyim Al-Jauziyah, (2010). “*Healing with the Medicine of the Prophet* New Color Edition*”, ed. Abdul Rahman Abdullah, Riyadh: Darussalam 2010.
- Kamus Dewan Online, (Kamus Sains) laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM).
- Khazaeli, P., Mehrabani, M., Mosadegh, A., Bios, S., & Moshafi, M. H. (2019). Identification of luteolin in henna (*Lawsonia Inermis*) oil, a Persian medicine product, by HPTLC and evaluating its antimicrobial effects. *Research Journal of Pharmacognosy*, 6(1), 51-55.
- Morozov, A. M., & Belyak, M. A. (2021). About the possibility of using povidone iodine in surgical practice. *Ambulatornaya khirurgiya= Ambulatory Surgery (Russia)*, 18(2), 68-76.
- Muhammad ‘Abd al-Rahmān Ibn ‘Abd al-Rahīm al-Mubārakfūrī, *Tuhfah al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhī* (Mesir: Dar al-Fikr, t.t.), 6:212.
- Muhammad bin ‘Īsā bin Sāwrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, (Riyadh: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa Tawzi’, 1996), 464 (Kitab al-Tibb, Bab Ma Ja’a fi al-Tadawa bi al-Hinna’, no. Hadith 2054).
- Noor Hisham Abdullah, “Kenyataan Akhbar KPK 31 Januari 2021 – Sambutan Hari Kusta Sedunia 2021: Bersama Hentikan Kusta”, diakses 21 Mac 2021, <https://kpkkesihatan.com/2021/01/31/kenyataan-akhbar-kpk-31-januari-2021-sambutan-hari-kusta-sedunia-2021-bersama-hentikan-kusta/>.
- Pusat Kawalan Kusta Negara: Pengenalan dan Sejarah PKKN, laman sesawang *Hospital Sungai Buluh*, diakses 21 April 2020, <https://hsgbuloh.moh.gov.my/index.php/pengurusan2/pusat-kawalan-kusta-negara-pkkn/pengenalan-dan-sejarah-pkkn>.
- Rodriguez-Santana, Y., Sanchez-Almeida, E., Garcia-Vera, C., Garcia-Ventura, M., & Martinez-Espligares, L. (2019). Epidemiological and clinical characteristics and the approach to infant chickenpox in primary care. *European Journal of Pediatrics*, 178(5), 641-648.
- Rosanna Chio, “Lidah Anak Ada Putih Ini? Itu Mungkin Jangkitan Kandida (Oral Thrush)”, laman sesawang The Asian Parent, diakses 20 April 2020, <https://my.theasianparent.com/jangkitan-kandida-oral-thrush-bayi>.
- Salma, R., Vijay, V., Vijayakumar, A. R., & Deepa, N. (2024). A Review on Phytochemical, Pharmacological, and Toxicological Properties of *Lawsonia inermis* L. *Journal of Pharma Insights and Research*, 2(3), 155-166.

Sellick, K., & Ailani, J. (2025). Not all migraine attacks are the same. In *Migraine Pain Management* (pp. 81-92). Academic Press.

Structure and Function of Skin”, laman sesawang *Lumen Learning*, diakses pada 22 Ogos 2025, <https://courses.lumenlearning.com/wmopen-biology2/chapter/structure-and-function-of-skin/>.

Tavakoli, S., & Klar, A. S. (2020). Advanced Hydrogels as Wound Dressings. *Biomolecules*, 10(8), 1169. <https://doi.org/10.3390/biom10081169>

Topiramate: Neurodevelopmental Disorders in Children Exposed to Topiramate during Pregnancy”, laman sesawang *National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPR A)*, diakses 25 Ogos 2025, <https://www.npra.gov.my/index.php/en/component/content/article/449-english/safety-alerts-main/safety-alerts-2023/1527474-topiramate-neurodevelopmental-disorders-in-children-exposed-to-topiramate-during-pregnancy.html?Itemid=1391>

Topamax® (topiramate): Updated Warnings and Precautions on Visual Field Defects”, laman sesawang di *National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPR A)*, diakses 20 April 2020, <https://www.npra.gov.my/index.php/my/component/content/article/59-english/safety-alerts-main/safety-alert-2014/576-topamax-topiramate-updated-warnings-and-precautions-on-visual-field-defects.html?Itemid=1392>.



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).